



**EMBARGO:** Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform sebelum jam 12.00 tengah hari, 22 Ogos 2026.

Untuk Terbitan Media  
22 Ogos 2026

## SIARAN MEDIA

### KARNIVAL KERJAYA PERKESO PACU KEBERHASILAN INTERVENSI PASARAN BURUH SABAH

**KOTA KINABALU:** Kadar pengangguran di Sabah menunjukkan perkembangan positif apabila kadar tersebut mencatatkan penyusutan ketara kepada 5.5 peratus berbanding 6 peratus pada suku keempat 2025.

Menurut Timbalan Ketua Menteri Sabah II, Datuk Seri Panglima Haji Masidi Manjun, Sabah merekodkan penurunan kadar pengangguran ketara berbanding semua negeri di Malaysia untuk suku pertama 2026. Perkembangan positif dalam pasaran buruh semasa ini mencerminkan keberhasilan rangkaian dasar dan usaha oleh Kerajaan Negeri serta kerjasama agensi di peringkat Persekutuan.

“Menerusi usaha Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) sebanyak 71,821 penempatan pekerjaan telah berjaya direkodkan di Sabah bagi tempoh 2020 hingga 24 Julai 2026.

“Ini sekali gus mencerminkan komitmen berterusan kerajaan dalam membantu rakyat Sabah memperoleh pekerjaan dan meningkatkan kesejahteraan ekonomi mereka,” kata beliau yang hadir mewakili Ketua Menteri Sabah dalam majlis itu hari ini.

Justeru itu, beliau menjelaskan Karnival Kerjaya MYFutureJobs X Oil & Gas @ Kota Kinabalu 2026 dilihat sebagai antara inisiatif strategik yang berupaya menangani kadar pengangguran di Sabah.

Tambah Masidi, pembangunan ekonomi perlu bergerak seiring dengan pembangunan modal insan dan menerusi agenda Sabah Maju Jaya, setiap pelaburan perlu membawa manfaat kepada rakyat melalui peluang pekerjaan, peningkatan kemahiran dan peningkatan taraf hidup.

“Sabah mempunyai kelebihan strategik sebagai antara hab utama industri minyak dan gas negara. Permintaan terhadap tenaga kerja mahir dijangka terus meningkat, apatah lagi dengan pelbagai projek tenaga yang sedang dan akan dilaksanakan di sini.

“Justeru, pembangunan modal insan perlu bergerak seiring dengan pertumbuhan industri supaya peluang ekonomi yang diwujudkan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh anak-anak Sabah,” ujar beliau ketika berucap pada Karnival Kerjaya MYFutureJobs X Oil & Gas @ Kota Kinabalu 2026, pada Sabtu yang turut dihadiri Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Khairul Firdaus Akbar Khan.

Dalam pada itu, Khairul Firdaus berkata, karnival kerjaya ini bukanlah sekadar platform menawarkan pekerjaan, malah menjadi medan yang menghubungkan bakat tempatan dengan keperluan sebenar industri.

“Bagi tempoh Januari 2026 sehingga 24 Julai lalu, lebih 327 karnival dan program kerjaya dianjurkan dengan lebih 11,000 pencari kerja hadir mencari pekerjaan bersesuaian di Sabah.

“Sementara menerusi platform perkhidmatan pekerjaan nasional MYFutureJobs, lebih 95,000 kekosongan jawatan di tawarkan dengan jumlah majikan di Sabah yang mendaftar dengan portal ini menjangkau 15,000.

Menurut beliau lagi, KESUMA sedang melaksanakan anjakan paradigma dalam memperkukuh dan memperkasa pasaran buruh negeri Sabah menerusi pelaksanaan Sabah Talent Development Centre (STDC) sebagai platform strategik yang mengintegrasikan pembangunan bakat selari dengan keperluan industri dan maklumat pasaran buruh dengan memberi tumpuan kepada peningkatan kemahiran dan kebolehpasaran tenaga kerja. KESUMA juga akan memperkukuhkan lagi kerjasama antara kerajaan persekutuan dan negeri Sabah, industri, institusi pendidikan dan penyedia latihan bagi memastikan bakat tempatan lebih responsif, kompetitif dan selari dengan keperluan pekerjaan masa hadapan.

“Karnival yang berlangsung di Sabah International Convention Centre, hari ini selama dua hari ini menghimpunkan 30 majikan terkemuka dalam industri minyak dan gas serta sektor berkaitan, dengan menawarkan lebih 3,000 peluang pekerjaan dan gaji sehingga RM12,000 sebulan.

Selepas Karnival Kerjaya MYFutureJobs X Oil & Gas ini, karnival sama akan diteruskan ke Sarawak di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) pada 17 hingga 18 Oktober 2026 dalam usaha memperluaskan akses kepada peluang kerjaya industri minyak dan gas kepada graduan, pencari kerja serta bakat tempatan di wilayah Borneo.

Layari [www.myfuturejobs.gov.my](http://www.myfuturejobs.gov.my) untuk mengemukakan permohonan pekerjaan dan maklumat lanjut mengenai Karnival Kerjaya MYFutureJobs selain ribuan peluang pekerjaan yang ditawarkan.

**##TAMAT##**

### **Mengenai LINDUNG**

LINDUNG ialah penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO yang dilancarkan pada 22 Ogos 2025 sebagai langkah strategik memperkukuh peranan dalam melindungi rakyat. Pendekatan ini lebih segar, inklusif, mudah diingati dan berimpak tinggi bagi menyampaikan mesej perlindungan sosial secara meluas dan berkesan. Ia bertujuan memperluas capaian, meningkatkan kesedaran serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap PERKESO sebagai pelindung utama keselamatan sosial. Di bawah penjenamaan ini, Akta 4 dikenali sebagai LINDUNG PEKERJA, Akta 800 sebagai LINDUNG KERJAYA, Akta 789 (SKSPS) sebagai LINDUNG KENDIRI, dan Akta 838 (SKSSR) sebagai LINDUNG KASIH. Sementara itu, bermula 1 Jun 2026, LINDUNG 24 Jam dikuatkuasakan yang memberi perlindungan jika berlaku kemalangan di luar waktu kerja di dalam negara bagi pekerja yang mencarum LINDUNG Pekerja. Maklumat lanjut di [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my).

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**

**22 Ogos 2026**